



Hunayn bin Ishaq

Penterjemah Bahasa Arab Bukan Islam

Oleh **NABIHAN YUSOF**

Terdapat pendapat yang berbeza merujuk tempoh gerakan penterjemahan pada zaman pemerintahan Abbasiyyah. Syed Hossein Nasr melalui tulisan beliau, *Islamic Science: An Illustrated Study* menyatakan gerakan penterjemahan melibatkan tempoh 150 tahun, iaitu bermula dari abad ke-8 hingga abad ke-10. Walau bagaimanapun, pengkaji seperti Young dan Iqbal menyatakan gerakan penterjemahan melibatkan tempoh 300 tahun meliputi tempoh penterjemahan karya penting tamadun terdahulu, seperti karya *Hippocrates*, *Aristotle*, *Theophrastus*, *Euclid*, *Ptolemy*, *Dioscorides*, dan *Galen*.

Penggunaan kertas secara besar-besaran yang dipelopori oleh masyarakat Arab mempergiat penterjemahan. Menurut Rosanna Goroni dalam "The Process of Origin and Growth of the Islamic Medicine: The Role of the Translators. A Glimpse on the Figure of Hunayn bin Ishaq" yang disiarkan dalam *Journal of the International Society for the History of Islamic Medicine* (2005), hal ini dikukuhkan dengan bukti penemuan kilang kertas yang dibina di Samarkand pada tahun 751 dan di Baghdad pada tahun 793 di bawah pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid (786 - 809).

Aktiviti penterjemahan itu membuktikan sarjana sains menterjemahkan manuskrip lama daripada pelbagai bahasa seperti Yunani, Parsi, Sanskrit, dan Syria ke dalam bahasa Arab. Antara tokoh penterjemah ketika itu termasuklah Salmawayh bin Bunan, doktor peribadi Khalifah al-Mu'tasim dan; Jurjis bin Jibra'il bin Bakhtishu' yang bertanggungjawab mengendalikan hospital di Jundishapur dan dilantik sebagai doktor peribadi kepada beberapa orang khalifah Abbasiyyah.

Tokoh lain yang terlibat secara langsung dalam aktiviti penterjemahan antaranya termasuklah Yahya bin Batriq, Ibn Sahda dan Ayyub al-Ruhawi. Namun begitu, tokoh terkemuka dalam aktiviti penterjemahan dalam tempoh tersebut ialah Abu Zayd Hunayn bin Ishaq al-'Ibadi. Hunayn amat dikenali dalam kalangan sarjana Timur dan Barat atas sumbangan dan ketokohan beliau membangunkan tamadun Islam pada era pemerintahan kerajaan Abbasiyyah.

Hunayn bin Ishaq dikenali juga sebagai Hunein atau dalam bahasa Syria Hunein Bit Ishak, manakala dalam bahasa Arab ialah 'Abū Zayd Hunayn ibn 'Ishāq al-'Ibādī. Hunayn dikenali sebagai Johannitus Onan dalam bahasa Latin. Beliau

dilahirkan pada tahun 809M di Hirah, iaitu selatan Iraq. Beliau merupakan seorang penganut agama Nestorian Kristian yang terkenal lagi berpengaruh yang juga sarjana, doktor dan saintis.

Beliau sangat berminat dalam bidang penterjemahan terutama melibatkan manuskrip sains dan perubatan Yunani. Hal ini ditambah dengan kebolehan dan keistimewaan Hunayn yang dapat menguasai empat bahasa, iaitu Arab, Syria, Yunani, dan Parsi dengan amat baik. Oleh hal yang demikian, beliau banyak menghasilkan pelbagai karya dan buku yang bermutu yang digunakan hingga sekarang. Menurut Abdul Nasser Kaadan, Hunayn menterjemahkan lebih 112 buah karya dari tamadun Yunani di samping 30 buah karya asli beliau. Beberapa orang pengkaji berbeza pendapat tentang tarikh beliau meninggal dunia. Menurut Ibn al-Nadim, beliau meninggal dunia pada tahun 873, manakala menurut Ibn Abi Usaybi'ah pula ialah pada tahun 877.

Latar belakang Pendidikan

Hunayn ialah tokoh perubatan dan sains terbaik pada zaman awal Abbasiyyah. Beliau menuntut ilmu perubatan di sebuah sekolah perubatan awal di Jundishapur dan kemudiannya ke Baghdad di bawah seliaan Yuhanna bin Masawayh (murid kepada Jibra'il bin Bakhtishu) ketika usia beliau masih muda. Didorong oleh minat yang mendalam terhadap ilmu perubatan lama, Hunayn telah melakukan banyak kajian intensif terhadap manuskrip perubatan Yunani dengan menterjemahkannya daripada bahasa Yunani kepada bahasa Arab dan Syria, misalnya karya dalam bidang astronomi yang terkenal yang berjudul *al-Majisti*

terjemahan dari manuskrip Yunani tulisan Ptolemy yang berjudul *Megale Syntaxis Mathematike*.

Menurut catatan Ibn al-Nadim dalam kitab, *al-Fihrist*, ketika Hunayn menuntut ilmu perubatan di Baghdad, bakat beliau dipandang rendah oleh Yuhanna bin Masawayh. Yuhanna yang juga guru Hunayn jelas berang dengan sikap Hunayn yang suka bertanya lalu menyindir beliau agar tidak melibatkan diri dalam bidang perubatan. Sebaliknya, Yuhanna menyarankan Hunayn mengikut jejak langkah bapa beliau sebagai peniaga ubat di bandar Hirah sahaja. Hunayn yang kecewa dengan kata-kata guru beliau itu menanam azam untuk merantau bagi mendalami ilmu dalam bidang perubatan hingga berjaya menjadi doktor perubatan yang terkenal. Beliau kemudiannya ke Alexandria dan mempelajari bahasa dan peradaban Yunani selama dua tahun.

Hunayn juga mengembara ke Anatolia untuk menyempurnakan pengetahuan Yunani beliau. Beliau kemudiannya mempelajari bahasa Arab di Basrah daripada Khalil bin Ahmad al-Faraheedi. Hunayn berjaya mencapai cita-cita beliau dan pulang ke Baghdad pada tahun 826 setelah menguasai bahasa Yunani dan Arab dengan baik. Sebagai penganut Nestorian Kristian, beliau turut menguasai bahasa Syriac yang dahulunya pernah digunakan di Syria, Lebanon, Jordan, dan Iraq.

Perlaksanaan Kaedah Penterjemahan

Menurut O Leary dalam *How Greek Science Passed to the Arabs*, Hunayn menterjemahkan manuskrip serta buku perubatan dan astronomi daripada bahasa

Beliau menuntut ilmu perubatan di sebuah sekolah perubatan awal di Jundishapur dan kemudiannya ke Baghdad di bawah seliaan Yuhanna bin Masawayh (murid kepada Jibra'il bin Bakhtishu) ketika usia yang masih muda.

Yunani kepada bahasa Syria terlebih dahulu sebelum dibantu oleh rakan-rakan dan pelajar beliau untuk menterjemahkannya ke dalam bahasa Arab. Kaedah ini telah diaplikasi ke atas karya asli Aristotle yang bertajuk *Hermeneutica*.

Pada peringkat awal, beliau menterjemahkan manuskrip atau buku ke dalam bahasa Syria sebelum diambil alih oleh anak dan anak saudaranya, iaitu Ishak bin Hunayn dan Hubaysh al-'Asam, pembantunya 'Isa bin Yahya bin Ibrahim, 'Isa bin Ali Musa bin Khalid, Istafan bin Basil, dan banyak lagi saintis terkemuka yang pernah menuntut ilmu dengan beliau untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Mereka melakukan terjemahan yang tepat dan teliti daripada manuskrip asal serta memainkan peranan utama dalam kebangkitan usaha memahami keilmuan daripada tamadun Yunani.

Pada awal usaha penterjemahan tersebut, Hunayn menggunakan kaedah salinan sama, tetapi menukarkannya

b. Bahasa
Bil - 9 (Sept 2018)

Biography - General.
Pg. 36 - 38.

kepada kaedah semantik. Walau bagaimanapun, kerja penterjemahan bukanlah sesuatu yang mudah apabila terdapat perkataan yang sukar diterjemahkan. Hunayn terpaksa mencari perkataan lain yang hampir untuk diterjemahkan, dan disertakan nota kaki bagi menjelaskan maksud asal kehendak manuskrip tersebut.

Sumbangan Karya Terjemahan

Hunayn menyumbangkan jasa yang amat besar dalam bidang penterjemahan. Beliau menterjemahkan manuskrip lama dengan gigih, jujur dan teliti. Hunayn memulakan kerja penterjemahan sejak berusia 17 belas tahun di bawah pemantauan Ibn Masawayh. Hunayn akan merantau ke setiap pelosok dunia untuk mencari dan mengumpulkan koleksi manuskrip asli. Seterusnya, beliau akan membandingkan keaslian setiap koleksi manuskrip yang dimiliki untuk mengenal pasti keabsahan dan ketulenannya manuskrip tersebut. Oleh hal yang demikian, karya terjemahan Hunayn amat bernilai dan sukar ditandingi oleh penterjemah lain.


Beliau menghabiskan 50 tahun bersama-sama pelajar beliau, menterjemah pelbagai karya agung Yunani oleh tokoh penting, antaranya termasuklah Hippocrates, Aristotle, Galen, Discorides, Euclid, Ptolemy, dan pengkritik mereka seperti Oribasius dan Paulus Aeginata.

Hunayn memainkan peranan besar sebagai penterjemah utama kepada karya Galen, antaranya termasuklah *De sectis*, *Ars medica*, *De pulsibus*

ad tirones, *De pulsibus (four treatises)*, *De typis (februm)*, *De crisisibus*, *De diebus decretorius*, *Summaria Alexandrinorum*, dan *Methodus Medendi*. Karya tersebut merangkumi tujuh karya asli Galen yang hilang, namun karya yang dijumpai hanyalah dalam bahasa Arab.

Abdul Nasser Kaadan menerusi artikel beliau tentang Hunayn, menyenaraikan 112 buah kitab yang diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Antara karya Hunayn yang termasyhur termasuklah *Kitab al-Madkhal ila al-Mantiq*, *Kitab Jawami' Aflathun*, *Kitab al-Akhlaq*, *Kitab fi al-Asma' al-Tibbiyah*, *Kitab al-Burhan*, *Kitab al-Hilah li hifz al-Sihah*, *Kitab al-Tiryak ila Qaysar*, *Kitab al-Adwiyah al-Muqabalah li al-Adawa'*, *Maqalah fi Afdal Hay'at al-Badan*, dan *Maqalah fil al-Awram*.

Selain itu, Hunayn menterjemahkan manuskrip asli karya tokoh Yunani lain. *Jawami' al-Iskandariyyin* merupakan terjemahan daripada *Summaria Alexandrinorum* karya Galen yang telah dijadikan panduan oleh para pengamal perubatan untuk memeriksa penyakit. Karya Ptolemy, iaitu *Megale Syntaxis Mathematike* dalam bidang astronomi turut diterjemahkan oleh Hunayn dengan bantuan Thabit Ibn Qurrah. Karya terjemahan tersebut dikenali sebagai *al-Majisti*.

Hunayn bin Ishaq seharusnya diiktiraf sebagai tokoh besar bidang penterjemahan bahasa Arab yang bukan Islam. Generasi hari ini seharusnya cakna ilmuwan terdahulu yang memberikan sumbangan hebat dalam pelbagai bidang dan membangunkan tamadun Islam walaupun berlainan agama. 

PELUANG PENULISAN

Anda kaya dengan idea?

Mulakan menggilap bakat anda dalam bidang penulisan di Dewan Bahasa dan Pustaka. Bermula dengan *Aku di Sebuah Pulau* dan *Cerita-cerita Lain (1957)*, Dewan Bahasa dan Pustaka terus mengorak langkah menerbitkan beribu-ribu judul buku dalam pelbagai bidang dan peringkat pembaca. Dalam usaha menerbitkan buku umum, dewasa dan pengajian tinggi, Jabatan Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka mempelawa para penulis untuk menyumbang karya dalam bidang:

- Sains Sosial dan Kemasyarakatan.
- Sains dan Teknologi.
- Agama, Falsafah dan Tamadun Islam.

Kemukakan pertanyaan atau cadangan penulisan kepada: Pengarah Jabatan Penerbitan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10603, 50926 Kuala Lumpur.

Panduan Penyediaan Kertas Cadangan Judul boleh didapati melalui:
<http://www.dbp.gov.my>